



**PEKELILING EDARAN LUAR
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 2/2020**

**SEMUA PENGUSAHA DAN PEMILIK KELAS LESEN PENGANGKUTAN AWAM DI
NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**HAD USIA KENDERAAN PERKHIDMATAN
AWAM DI NEGERI SABAH DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan had usia kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa ini, dasar LPKP Sabah menetapkan kenderaan yang ingin dilesenkan sebagai kenderaan pengangkutan awam perlu berusia 10 tahun dan ke bawah. Berikutan daripada penetapan ini, LPKP Sabah telah menerima permohonan melesenkan kenderaan yang melebihi had usia kerana ketidakmampuan pelesen untuk mendapatkan kenderaan berusia 10 tahun dan ke bawah.

2.2 Mesyuarat Lembaga Bil. 5/2020 bertarikh 27 Ogos 2020 melalui perbincangan dasar dan polisi LPKP Sabah telah menyemak dan bersetuju

untuk meminda syarat-syarat penetapan had usia bagi kenderaan perkhidmatan awam yang beroperasi di Negeri Sabah dan W.P Labuan.

2.3. Penetapan semula had usia kenderaan pengangkutan awam adalah bertujuan untuk memudahkan pelesen untuk melesenkan kenderaan awam tanpa perlu melihat had usia melesen. Walau bagaimanapun, had usia kenderaan pengangkutan awam masih lagi dikekalkan.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Ahli Lembaga LPKP Sabah mengambil ketetapan dan bersetuju agar had usia melesen kenderaan awam bagi permohonan baharu dan ganti kenderaan adalah **tidak melebihi** had usia kenderaan yang telah ditetapkan seperti berikut:

KELAS LESEN	PERMOHONAN BAHARU	GANTI KENDERAAN	HAD USIA
	TAHUN		
BAS EKSPRESS	-	-	20
BAS MINI/ BAS BERHENTI- HENTI - Bas (24-44 tempat duduk) - Bas Mini (12 tempat duduk)	-	-	25 25
BAS MINI DAERAH SELAIN DARIPADA KK, SANDAKAN TAWAU DAN W.P. LABUAN	-	-	30
BAS MINI W.P. LABUAN	-	-	35
BAS PENGANTARA	-	-	10
BAS SEKOLAH	-	-	30
BAS PEKERJA	-	-	25
BAS CATAR	-	-	25
TEKSI BANDAR	-	-	20
TEKSI LAPANGAN TERBANG	-	-	18
TEKSI LUAR BANDAR	-	-	-

TEKSI MEWAH/ LIMOSIN	-	-	18
KERETA SEWA (MPV/VAN/SALOON)	-	-	20
KERETA SEWA (4WD)	-	-	30
KERETA SEWA PANDU	-	-	10
KENDERAAN E-HAILING	-		10

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan had usia kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan **berkuatkuasa serta merta**.

4.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling LPKP Bil. 1/2019 bertarikh 1 April 2019 dan sebarang arahan berkaitan sebelum ini adalah terbatal.

5.0 PENUTUP

5.1 Pekeliling ini hanya terpakai kepada kenderaan perkhidmatan awam di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

5.2 Untuk maklumat lanjut berhubung perkara ini hendaklah dirujuk kepada Ibu Pejabat LPKP Kota Kinabalu, Sabah.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menjalankan amanah,



(ARFIAN BIN JULIAN)

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

3 September 2020